



MSM tinjau beli ladang tebu

Kuala Lumpur: MSM Malaysia Holdings Bhd, anak syarikat milik penuh FelDA Global Ventures Bhd (FGV) dan pengeluar gula terbesar di Malaysia akan meninjau peluang untuk membeli ladang tebu di luar negara.

Pengerusinya Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, antara kriteria utama dalam pemilihan kawasan itu ialah menerusi jenis tanah, kadar penghasilan gula yang tinggi serta kos pembelian.

Katanya, antara kawasan yang dilihat bersesuaian untuk penghasilan gula men-

tah ialah seperti Brazil, Indonesia dan Myanmar.

"Kami sedang membuat penilaian kawasan yang sesuai kerana sebagai pengeluar gula, kita mesti memastikan tebu yang ditanam di ladang terbabit mempunyai kepekatan gula yang tinggi di dalamnya.

"Sebelum ini, MSM mempunyai ladang tebu di Perlis seluas 4000 hektar, tetapi oleh kerana tebu yang ditanam tidak mempunyai kandungan gula yang se-

suai, ladang itu sudah ditukarkan kepada tanaman getah," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan zakat oleh MSM Malaysia Holdings, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Datuk Che Mat Che Ali dan Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang Azman Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif MSM Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod dan timbalannya Mohd Amri Sa-

Mohd Isa berkata, pihaknya lebih mengutamakan pembelian ladang yang sudah diusahakan, namun bergantung kepada harga yang ditawarkan.

Menurutnya, bermula tahun ini, syarikat sudah mengimport gula mentah sepenuhnya terutama dari Brazil, sebelum diproses dan dijual untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Beliau berkata, tahun ini syarikat sudah mengimport lebih kurang 960,000 tan gula mentah.

“Kami lebih mengutamakan pembelian ladang yang sudah diusahakan, namun bergantung kepada harga yang ditawarkan”
Mohd Isa Abdul Samad

